48. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 16(7E) dengan memotong perkataan “Culture, Arts and”.

Pindaan seksyen 22**49. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam proviso kepada subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “five” dengan perkataan “seven”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1D) subseksyen yang berikut:

“(1E) The chargeable income of a chargeable person for a year of assessment shall consist of the amount of his assessable income for that year reduced by an amount equal to any gift of money or cost of contribution in kind made by the relevant person in the basis period for that year for any sports activity approved by Minister or to any sports body approved by the Commissioner of Sports appointed under the Sports Development Act 1997:

Provided that the amount to be deducted pursuant to this subsection shall not exceed the difference between the amount of seven per cent of the statutory income of the relevant person and the total amount that has been deducted pursuant to the proviso to subsection (1) and subsection (1F).

(1F) The chargeable income of a chargeable person for a year of assessment shall consist of the amount of his assessable income for that year reduced by an amount equal to any gift of money or cost of contribution in kind made by the relevant person in the basis period for that year for any project of national interest approved by the Minister:

Provided that the amount to be deducted pursuant to this subsection shall not exceed the difference between the amount of seven per cent of the statutory income of the relevant person and the amount that has been deducted pursuant to the proviso to subsection (1) and subsection (1E).”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

Pindaan seksyen 31c

50. Akta Cukai Jualan 1972 dipinda dalam seksyen 31c—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “Pulangan balik” perkataan “hutang ragu atau”;
- (b) dalam perenggan (1)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “orang itu” perkataan “telah diperuntukkan dalam akaunnya sebagai hutang ragu atau”; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud seksyen ini—

“hutang lapuk” ertinya baki amaun bayaran yang berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai termasuk cukai jualan yang kena dibayar kepada orang itu tetapi belum dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan oleh, orang itu;

“hutang ragu” ertinya suatu peruntukan yang dibuat berkenaan dengan baki amaun bayaran dalam akaun orang itu selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum.”.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

Pindaan seksyen 21B

51. Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dipinda dalam seksyen 21B—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “Pulangan balik” perkataan “hutang ragu atau”;
- (b) dalam perenggan (1)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “orang itu” perkataan “telah diperuntukkan dalam akaunnya sebagai hutang ragu atau”; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud seksyen ini—

“hutang lapuk” ertinya baki amaun bayaran yang berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan yang kena dibayar cukai termasuk cukai perkhidmatan yang kena dibayar kepada orang itu tetapi belum dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan oleh, orang itu;

“hutang ragu” ertinya suatu peruntukan yang dibuat berkenaan dengan baki amaun bayaran dalam akaun orang itu selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Jualan 1972 (“Akta 64”) dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (“Akta 151”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda takrif “perkongsian” dalam seksyen 2 Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa mana-mana persatuan yang ditubuhkan menurut suatu skim pembiayaan di bawah prinsip Syariah bukan merupakan suatu perkongsian bagi maksud Akta 53.

Fasal 4 juga bertujuan untuk meminda takrif “penghibur awam” dengan menggantikan perkataan “atlet” dengan perkataan “ahli sukan” selaras dengan istilah yang digunakan dalam perkiraan pencukaian dua kali yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(i) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa pendapatan yang diagihkan oleh suatu badan amanah adalah tertakluk kepada cukai ke atas pemegang unit selain pemegang

unit yang merupakan suatu syarikat pemastautin pada kadar yang dinyatakan di bawah Bahagian X Jadual 1. Walau bagaimanapun, kadar itu terpakai hanya bagi lima tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 2007.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong subseksyen 6A(3A) Akta 53. Dengan pemotongan yang dicadangkan, seseorang tidak lagi boleh menuntut rebat bagi pembelian suatu komputer peribadi. Suatu peruntukan baru dimasukkan ke dalam seksyen 46 Akta 53 bagi relif berkenaan perkara yang sama.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk memotong seksyen 6B Akta 53 memandangkan pinjaman kepada suatu perniagaan kecil tidak lagi relevan dan terpakai di bawah Akta ini. Pemotongan yang dicadangkan adalah berikutan dengan penamatan pinjaman kepada perniagaan kecil yang tidak lagi terpakai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subsubperenggan 13(1)(b)(ii)(A) Akta 53. Pada masa ini, faedah dalam bentuk tambang percutian di dalam Malaysia tidak termasuk sebahagian daripada pendapatan daripada penggajian di bawah seksyen 13 Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, ketidakmasukan ini diperluas untuk meliputi makanan dan penginapan yang diberi menurut suatu tambang percutian.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 30(4) Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, mana-mana amaun hutang yang dilepaskan berkenaan dengan suatu elaun yang telah dibuat akan dikenakan cukai sebagai suatu pendapatan di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(k) Akta 53 untuk menambah amaun potongan yang dibenarkan daripada tiga ratus ribu ringgit kepada lima ratus ribu ringgit bagi menaja mana-mana aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 35(2) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa amaun yang boleh dipotong di bawah subseksyen itu tidak terhad kepada potongan di bawah seksyen 33, 34, 34A dan 34B Akta 53 tetapi kepada semua potongan lain yang diperuntukkan di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baru 39(1)(l)(viii) ke dalam Akta 53 bagi mengadakan peruntukan bagi potongan tambang percutian untuk memudahkan penganjuran suatu acara tahunan dalam Malaysia yang melibatkan majikan, pekerja dan anggota keluarga terdekat pekerja itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda subseksyen 44(6) Akta 53 untuk menambah amaun maksimum yang dibenarkan sebagai potongan bagi mana-mana derma yang dibuat mengikut subseksyen itu daripada lima peratus kepada tujuh peratus daripada pendapatan agregat orang itu.

Fasal 15 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 44(11A) Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, seseorang selain suatu syarikat luar pesisir dan individu adalah berhak untuk memotong daripada pendapatan agregatnya suatu amaun yang sama dengan *zakat perniagaan* yang telah dibayar kepada pihak berkuasa agama yang sewajarnya yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis terhad kepada satu per empat puluh daripada pendapatan agregat orang itu.

Fasal 15 juga selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 44(11B) dan (11C) ke dalam Akta 53. Subseksyen baru yang dicadangkan itu mengadakan peruntukan bagi pemotongan yang sama dengan mana-mana pemberian wang atau kos sumbangan yang dibuat oleh seseorang bagi apa-apa aktiviti sukan atau projek yang mempunyai kepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri atau mana-mana badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan. Walau bagaimanapun, jumlah amaun potongan yang dibenarkan mengikut subseksyen itu dan proviso kepada subseksyen 44(6) hendaklah tidak melebihi tujuh peratus pendapatan agregat orang itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda perenggan 44A(9)(b) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa Ketua Pengarah boleh menghendaki suatu syarikat penyerah untuk membayar suatu penalti yang sama dengan amaun cukai yang telah atau sepatutnya terkurang dikenakan oleh syarikat menuntut. Walau bagaimanapun, syarikat penyerah itu boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas jika syarikat penyerah itu tidak berpuas hati dengan penalti itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subseksyen 46(1) Akta 53. Dalam cadangan pindaan kepada perenggan (f), potongan untuk fi yang dibelanjakan bagi melanjutkan pengajian tinggi diperluas kepada bidang kewangan Islam.

Fasal 17 juga bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(i) Akta 53 untuk mengadakan memperuntukkan bagi potongan sebanyak tujuh ratus ringgit bagi pembelian buku, jurnal, majalah dan penerbitan lain yang seumpamanya dinaikkan kepada satu ribu ringgit.

Fasal 17 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 46(1)(j) ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan potongan maksimum sehingga tiga ribu ringgit kepada seseorang individu bagi pembelian komputer peribadi bukan bagi tujuan perniagaannya sendiri. Potongan ini boleh dituntut sekali dalam tiap-tiap tiga tahun taksiran.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 60F(2) Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, pendapatan kasar daripada sumber yang terdiri daripada perniagaan pegangan pelaburan tidak termasuk dalam kriteria untuk menentukan sama ada suatu syarikat merupakan suatu syarikat pegangan pelaburan. Bagi maksud seksyen 60F Akta 53, perniagaan pegangan pelaburan merujuk kepada perniagaan penyewaan harta.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan proviso ke dalam subseksyen 61A(1) Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, jika sembilan puluh peratus atau lebih daripada amaun keseluruhan pendapatan suatu unit amanah itu diagihkan kepada pemegang unit, keseluruhan pendapatan suatu unit amanah itu hendaklah dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda perenggan 91(4)(a) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memberi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri kuasa untuk membuat taksiran dalam tempoh enam tahun selepas penentuan oleh mahkamah dalam suatu hal mahkamah memutuskan bahawa keuntungan ke atas mana-mana pelupusan aset bukanlah tertakluk kepada cukai di bawah Akta 169.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini.

17. *Fasal 21, 22, 23* dan *subfasal 24(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 107A(2), 109(2), 109B(2) dan 109D(3) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu kenaikan penalti kerana kegagalan untuk membayar potongan cukai di bawah subseksyen itu dengan suatu amaun yang sama dengan sepuluh peratus daripada mana-mana amaun tidak berbayar.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

18. *Subfasal 24(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 109D(2) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa suatu unit amanah dikehendaki untuk memotong amaun cukai seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 Akta 53 berkenaan dengan mana-mana pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit selain pemegang unit syarikat pemastautin.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

19. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan Bab baru 1A ke dalam Akta 53. Seksyen 138A baru yang dicadangkan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membuat suatu ketetapan awam tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta 53 kepada mana-mana orang atau golongan orang, atau kepada mana-mana perkiraan.

Fasal 26 juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 138B ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, seseorang boleh meminta suatu ketetapan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi pemakaian mana-mana peruntukan Akta 53 bagi jenis perkiraan yang tertentu. Tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, ketetapan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah mengikat orang itu dan Ketua Pengarah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

20. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 138A ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa ketetapan umum yang dahulunya dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sebelum mula berkuat kuasanya seksyen itu disifatkan telah dibuat di bawah seksyen itu. Peruntukan baru itu juga memperuntukkan bahawa ketetapan itu berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

21. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda perenggan 153(3)(c) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa seorang akauntan profesional atau mana-mana orang lain yang diluluskan ialah seorang ejen cukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

22. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda subseksyen 154(1) Akta 53 dengan memasukkan perenggan baru (*eb*) dan (*ec*). Pindaan yang dicadangkan memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan kaedah-kaedah mengenai ketetapan umum dan awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

23. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda Bahagian 1 Jadual 1 Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, kadar cukai bagi syarikat selain syarikat yang perenggan 2A terpakai, badan amanah, wasi (bagi harta pusaka seorang individu yang mati yang berdomisil di luar Malaysia pada masa kematiannya) dan seorang penerima dikurangkan daripada 28 peratus kepada 27 peratus.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 30 juga bertujuan untuk meminda Bahagian X Jadual 1 Akta 53 bagi memperuntukkan kadar cukai bagi mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah kepada pemegang unit selain pemegang unit syarikat pemastautin.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

24. *Fasal 32* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baru 15(3) Jadual 6 ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa mana-mana bayaran yang diterima oleh seorang pekerja daripada seorang majikan menurut suatu skim pengasingan diberi suatu pengecualian mengikut subperenggan itu. Walau bagaimanapun, jika skim itu memperuntukkan bagi pengambilan semula oleh majikan yang sama atau mana-mana majikan lain, bayaran itu tidak layak untuk suatu pengecualian.

Fasal 32 juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 25c Jadual 6 ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bagi suatu pengecualian kepada mana-mana anugerah bagi perkhidmatan lama, pencapaian lalu atau khidmat cemerlang, sama ada berupa wang atau selainnya, yang diterima oleh pekerja itu tertakluk kepada suatu amaun maksimum satu ribu ringgit. Walau bagaimanapun, dalam hal suatu anugerah perkhidmatan lama pengecualian hanya diberikan selepas pekerja itu menjalankan penggajiannya lebih daripada sepuluh tahun dengan majikan yang sama.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 32 juga bertujuan untuk meminda perenggan 33 Jadual 6 Akta 53. Dengan cadangan pindaan ini, pengecualian faedah yang diterima oleh mana-mana orang yang bukan pemastautin di Malaysia diperluas bukan sahaja berkenaan dengan faedah yang dibayar atau dikreditkan oleh suatu institusi di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 tetapi juga oleh seseorang yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983 ("Akta 276") atau oleh mana-mana institusi lain yang diluluskan oleh Menteri.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

Fasal 32 selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 34 Jadual 6 Akta 53 untuk mengecualikan mana-mana pendapatan yang diterima daripada penggajian di atas kapal dengan syarat bahawa pengendali kapal itu ialah tuan punya berdaftar kapal di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ("Ord. 70/1952").

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

25. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda perenggan 5 dan 16 Jadual 7 Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa bagi maksud menentukan kredit bilateral di bawah Jadual itu, perkadaran pendapatan asing yang disebut dalam perenggan 5 adalah pendapatan statutori berkenaan dengan pendapatan asing itu.

Pindaan itu juga memperuntukkan bahawa dalam kes kredit bilateral pendapatan asing hendaklah terdiri daripada pendapatan yang terbit dari luar dan termasuk pendapatan yang terbit dari Malaysia yang dikenakan cukai asing.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

26. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda perenggan 3 Jadual 7A Akta 53 untuk memasukkan Perlis sebagai suatu kawasan yang digalakkan.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

27. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda perenggan 15(3)(a) Akta 169. Pindaan yang dicadangkan memberi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri kuasa untuk membuat suatu taksiran dalam tempoh enam tahun selepas suatu penentuan oleh mahkamah dalam suatu hal jika mahkamah memutuskan bahawa pendapatan atas mana-mana pelupusan aset bukanlah tertakluk kepada cukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini.

28. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda perenggan 16 Jadual 2 Akta 169. Dengan cadangan pindaan ini, tarikh pelupusan bagi suatu kontrak bersyarat hendaklah dikira pada tarikh kelulusan diperolehi jika kelulusan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa yang sewajarnya diperlukan. Walau bagaimanapun, jika kelulusan itu tertakluk kepada syarat-syarat, pelupusan itu hendaklah dikira berlaku apabila semua syarat itu dipenuhi.

Fasal 38 juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 17A Jadual 2 Akta 169. Dengan cadangan pindaan ini, jika seseorang memindahkan asetnya kepada stok perdagangannya, pemindahan itu akan menjadi suatu pelupusan di bawah Akta 169. Harga pelupusan adalah nilai pasaran pada tarikh aset itu dipindahkan menjadi stok.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

29. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 378. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan takrif “perusahaan kecil dan sederhana” ke dalam Akta 378.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

30. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 5A Akta 378. Dengan cadangan pindaan ini, perusahaan kecil dan sederhana akan menikmati kadar duti setem baru seperti yang dimasukkan dalam pindaan butiran 27 Jadual Pertama Akta 378.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

31. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa bayaran duti atas mana-mana surat cara boleh ditunjukkan dengan cara setem pelekat atau meletakkan suatu resit rasmi kepada surat cara itu.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

32. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 378. Dengan cadangan pindaan ini, seorang jurubank, peniaga dan penanggung insurans hendaklah menyimpan rekod, buku atau dokumen yang berhubungan dengan pengeluaran cek, nota kontrak atau polisi insurans bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh pengeluaran dokumen itu.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

33. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 57 Akta 378 untuk memotong sebutan bil pertukaran dalam perenggan (c) dan (e) memandangkan ia tidak lagi relevan dan terpakai di bawah Akta ini.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

34. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda subseksyen 80(1A) Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bahawa Menteri boleh mengecualikan, mengurangkan atau meremiti duti yang dikenakan ke atas semua surat cara berhubung dengan mana-mana skim.

Fasal 47 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 80(3) Akta 378 untuk memberi Menteri kuasa untuk memberi pengecualian, pengurangan atau peremitan di bawah subseksyen (1A) secara ke belakang.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

35. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda butiran 27 Jadual Pertama Akta 378 untuk memasukkan kadar baru duti setem yang terpakai kepada surat cara pinjaman yang dilaksanakan oleh perusahaan kecil dan sederhana.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 September 2006.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

36. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda subseksyen 22(1) Akta 543 untuk menaikkan amaun maksimum yang dibenarkan sebagai suatu potongan bagi apa-apa derma yang dibuat mengikut subseksyen itu daripada lima peratus kepada tujuh peratus pendapatan statutori orang yang boleh dikenakan cukai.

Fasal 47 juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 22(1E) dan (1F) ke dalam Akta 543. Subseksyen baru yang dicadangkan itu mengadakan peruntukan bagi suatu potongan yang bersamaan dengan apa-apa pemberian wang atau kos sumbangan yang dibuat oleh orang yang boleh dikenakan cukai bagi apa-apa aktiviti sukan atau projek yang mempunyai kepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri atau kepada mana-mana badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan. Walau bagaimanapun, jumlah amaun potongan yang dibenarkan menurut subseksyen itu dan subseksyen (1) tidak boleh melebihi tujuh peratus daripada pendapatan statutori orang itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

37. Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 31c(1)(b) dan subseksyen 31c(4) Akta 64. Cadangan pindaan ini membolehkan orang yang boleh dikenakan cukai memperoleh dengan lebih cepat pulangan balik cukai jualan yang tidak boleh didapatkan olehnya daripada kliennya dengan memperluas peruntukan untuk memasukkan amaun itu yang diperuntukkan sebagai hutang ragu dalam akaunnya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

38. Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 21B(1)(b) dan subseksyen 21B(4) Akta 151. Cadangan pindaan ini membolehkan orang yang boleh dikenakan cukai memperoleh dengan lebih cepat pulangan balik cukai perkhidmatan yang tidak boleh didapatkan olehnya daripada kliennya dengan memperluas peruntukan untuk memasukkan amaun itu yang diperuntukkan sebagai hutang ragu dalam akaunnya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

AM

39. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian adalah pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2558]

Hakcipta Pencetak H

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Brhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA